



**'FACT SHEET'**  
**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MASPRO MADA**

1. Masa depan MADA menyaksikan pelaksanaan Penanaman Padi Skala Besar (PPSB), melalui penyatuan tanah dan perkhidmatan mekanisasi dan automasi (M&A) merupakan halatuju baharu negara menerusi perkhidmatan M&A yang profesional, bertauliah dan moden, mampu meningkatkan kelestarian industri padi di Kawasan Muda.
2. MASPRO merupakan program perintis di Malaysia. MADA mensasarkan di mana pembekal perkhidmatan (service provider) yang berada di dalam kawasan MADA disatukan sebagai satu kumpulan pembekal perkhidmatan di bawah platform MASPRO.
3. MADA Agriculture Service Provider (MASPRO) amat penting sebagai jaringan Government to Business (G2B) di antara pihak pembekal perkhidmatan (service provider) dan pihak kerajaan / MADA.
4. Melalui MASPRO, MADA akan melaksanakan program pengembangan, menyampaikan hasrat kerajaan, mendapatkan sokongan serta maklumbalas pihak swasta, serta menjaga kemaslahatan para pembekal perkhidmatan, sebagai salah satu klien MADA. Disamping itu, para pembekal perkhidmatan juga boleh menggunakan platform MASPRO bagi menyampaikan isu berbangkit kepada pihak kerajaan dan MADA.
5. Sasaran jumlah pembekal perkhidmatan dari seluruh kawasan MADA yang berdaftar dengan MASPRO bagi tahun (2021 – 2025) adalah sebanyak 60 orang setahun manakala untuk tempoh 5 tahun adalah sebanyak 300 orang. Sehingga kini, seramai 143 orang pembekal perkhidmatan telah menjadi ahli MASPRO MADA dan jumlah ini telah melepassi sasaran yang telah ditetapkan sehingga kini disebabkan oleh sambutan yang menggalakkan dari pembekal perkhidmatan untuk menyertai MASPRO.
6. Pihak MADA juga telah menerima Geran Kajian Inovasi Mekanisasi dan Automasi Pertanian berjumlah RM200.000.00 yang telah disempurnakan penyerahannya oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan kepada Pengurus Jawatankuasa Penyelaras PPK MADA mewakili Pertubuhan Peladang Kawasan MADA dan juga pembekal perkhidmatan di bawah MASPRO MADA.
7. Di bawah MASPRO, kursus / latihan diadakan bagi meningkatkan ilmu serta kefahaman ahli dari aspek pengurusan perniagaan, pengurusan bengkel serta teknologi pertanian. MADA mensasarkan agar semua pembekal perkhidmatan di dalam kawasan Muda dapat menyertai MASPRO di masa hadapan.
8. Sempena Program MAHA 2022, selari dengan tema Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan, pihak MADA telah menganjurkan Majlis Pelancaran Program MASPRO MADA - Halatuju Pemodenan Mekanisasi dan Automasi Penanaman Padi di Kawasan MADA pada 10 Ogos 2022 bertempat di Dewan D-2, MAEPS Serdang yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian Dan Industri Makanan .
9. Turut sama hadir ke majlis ini iaitu Yang Berhormat Ahmad Tarmizi Sulaiman, Pengurus MADA, Tuan Haji Kamarudin Dahli, Pengurus Besar MADA serta wakil-wakil dari Jabatan Agensi di bawah MAFI.

*Dikeluarkan Oleh :  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda – MADA  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)*